

Ringkasan Penyata-penyata Berkanun

Summary of Statutory Returns

Catatan Am:

General Note:

Siri jadual berikut mengandungi petikan daripada penyata-penyata berkanun tahunan yang dikemukakan oleh penanggung insurans menurut seksyen 85 dan 87 Akta Insurans 1996 (Akta). Angka-angka yang telah diaudit adalah bagi tahun kewangan terakhir yang diperolehi bagi perniagaan dalam Malaysia.

The following series of tables contain abstracts from the annual statutory returns submitted by insurers under sections 85 and 87 of the Insurance Act 1996 (Act). The audited figures are for the last available financial year end for business within Malaysia.

Jumlah Rizab bagi Risiko Belum Tamat, Peruntukan bagi Tuntutan Belum Dibayar dan Rizab-rizab Lain dalam Jadual G.2, Akaun Hasil Insurans Am - Perbelanjaan tidak sama dengan jumlah bagi butiran-butiran yang sepadan di bawah liabiliti dalam Jadual G.3, Insurans Am - Liabiliti dan Aset Kumpulan Wang Insurans, kerana data bagi syarikat-syarikat yang telah bergabung di bawah pelaksanaan penggabungan dan perolehan telah tidak dilaporkan dalam Jadual G.3 bagi mengelakkan pengiraan dua kali.

Totals for Reserves for Unexpired Risks, Provision for Outstanding Claims and Other Reserves in Table G.2, General Insurance Revenue Accounts - Expenditure do not tally with the totals for the corresponding items under liabilities in Table G.3, General Insurance - Liabilities and Assets of Insurance Fund, as data for companies that have merged under merger and acquisition exercises was not reported in Table G.3 to avoid double counting.

AMAL Assurance Bhd. dan QBE Insurance (Malaysia) Berhad telah menukar tarikh akhir tahun kewangannya. Angka-angka yang dilaporkan adalah masing-masing untuk jangka masa enam belas bulan dan enam bulan.

AMAL Assurance Bhd. and QBE Insurance (Malaysia) Berhad have changed their financial year end during the year. The figures reported are for a period of sixteen months and six months respectively.

Lesen insurans komposit bagi Prudential Assurance Malaysia Berhad dan John Hancock Life Insurance (Malaysia) Berhad telah dibatalkan pada bulan Disember 1997 dan lesen insurans hayat telah dikeluarkan kepada kedua-dua penanggung insurans ini. Angka-angka bagi kedua-dua penanggung insurans ini, sebagaimana yang dilaporkan dalam jadual di bawah perniagaan insurans am adalah bagi perniagaan insurans am yang sedang dilunaskan.

The composite insurance licences of Prudential Assurance Malaysia Berhad and John Hancock Life Insurance (Malaysia) Berhad were revoked in December 1997 and the two insurers were issued with life insurance licences. The figures for the two insurers as reported in the tables under general insurance business are in respect of their general insurance business which they are running off.

Angka-angka bagi Sime AXA Assurance Berhad dilaporkan untuk tempoh dua bulan berikutan penggabungannya dengan Malaysia National Insurance Berhad pada 1 Jun 2000. Akaun Nusantara Worldwide Insurance (Malaysia) Berhad adalah tidak diaudit untuk tempoh sembilan bulan sebelum ia bergabung dengan Kurnia Insurans Malaysia Berhad pada 7 September 2000. Angka-angka bagi Mayban Assurance Berhad dilaporkan untuk tempoh tujuh bulan berikutan penggabungannya dengan UMBC Insurans Berhad pada 2 Februari 2001.

Figures for Sime AXA Assurance Berhad are reported for a period of two months following the merger with Malaysia National Insurance Berhad effective 1 June 2000. Figures for Nusantara Worldwide Insurance (Malaysia) Berhad are from the unaudited accounts for a period of nine months prior to its merger with Kurnia Insurans Malaysia Berhad effective 7 September 2000. Figures for Mayban Assurance Berhad are reported for a period of seven months following its merger with UMBC Insurans Berhad effective 2 February 2001.

Untuk penanggung insurans semula hayat profesional, angka-angka yang ditunjukkan dalam kolum 'Insurans Lain' bagi jadual-jadual L.4, L.4G, L.6 dan L.6G adalah merujuk kepada perniagaan yang diurus niaga berdasarkan kepada premium risiko.

In the case of professional life reinsurers, figures shown in the column 'Other Insurance' of tables L.4, L.4G, L.6 and L.6G refer to business written on risk premium basis.

Jumlah individu tidak semestinya bersamaan dengan jumlah keseluruhan disebabkan oleh pembundaran angka.

Individual totals do not necessarily add up to the overall total due to rounding.